

Kembara Sutera

2016.07

CRI

中国广播电视台

Beijing Yang Mengujakan
Buku Klasik China - Tao Te Ching
Mengembara di Bandar Xi'an
Perkara Yang Anda Tidak Tahu ketika Menaiki Pesawat
Tarikan Heilongjiang Berkaitan Kedinginan

Taman
Tradisional
Suzhou



Discover the beauty of China with us



www.airchina.com.my

Kuala Lumpur-Beijing 0020-0630

Beijing-Kuala Lumpur 1640-2310

Fly with us on A330-300(301 Seats)

[Facebook.com/AIR CHINA KUL](https://www.facebook.com/AIR CHINA KUL)

Email:kul_ca@outlook.com

Tel:03-21661999 Fax:03-21663999



Wacana dari Tembok Besar

Setelah lama tidak bertemu, kami berharap agar kemunculan Kembara Sutera (KS) kali ini akan mengakhiri penantian anda selama ini. Walaupun lama menyepakati diri, kami tidak pernah lupa akan komitmen kami untuk terus membawa China dekat di hati anda semua.

Lima bulan lagi, tahun 2016 bakal melabuhkan tirainya. Namun, kami berharap masih sempat untuk membantu anda merancang percutian. Sekiranya anda mahu memanfaatkan musim panas kali ini dengan menghayati budaya tradisional yang istimewa dan pemandangan alam yang sungguh indah, Taman Tradisional Suzhou adalah jawapannya. Berada di sana seumpama berada di alam kayangan. Perkara tersebut tentunya menjanjikan pengalaman baharu yang sukar dilupakan.

Ada ungkapan yang menyebut, sejarah tiga ribu tahun China boleh disaksikan di bandar Xi'an. Oleh itu, jangan sesekali anda melepaskan peluang untuk melancong ke Xi'an serta menelusuri perkembangan Islam di Xi'an dengan mengunjungi Masjid Daxueixiang.

Bagi yang berminat dengan percutian pada musim sejuk, terdapat maklumat tentang aktiviti-aktiviti musim sejuk yang menyeronokkan di provinsi Heilongjiang. Kami yakin selepas membacanya, anda pasti teruja dan tidak sabar-sabar hendak mencuba sendiri aktiviti-aktiviti tersebut.

Bagi seseorang yang belum berkesempatan untuk mengenali dan mengunjungi bandar Beijing, kami telah menyediakan catatan pengalaman Puan Roziah Adama yang bertugas di Beijing. Moga-moga dengan membaca catatan tersebut akan menerbitkan keinginan yang mendalam untuk berkunjung ke Beijing suatu hari nanti.

Selain itu, kami juga ingin memperkenalkan buku klasik China, Tao Te Ching kepada penggemar falsafah Lao Tze. Kami berharap pengetahuan asas anda tentang falsafah Lao Tze akan terus bercambah melalui bacaan tersebut.

Anda pasti merindui resipi-resipi lazat dan sihat dari dapur Anisah. Dapur Lazat Anisah kini kembali dengan hidangan yang bukan sahaja membekalkan khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan, malah mampu merawat penyakit.

Diharap anda tidak jemu-jemu untuk terus bersama-sama dengan kami dalam keluaran yang akan datang dan terima kasih atas sokongan anda selama ini. Selamat membaca dan terimalah salam mesra daripada kami.

张惠惠
Awan



06

Taman Tradisional Suzhou

10

Beijing Yang Mengujakan

16

Kepuluan China Yang Mempesona

20

Buku Klasik China – Tao Te Ching

22

Mengembara di Bandar Xi'an

28

*Perkara Yang Anda Tidak Tahu ketika
Menaiki Pesawat*

30

Tarikan Heilongjiang Berkaitan Kedinginan

32

Masjid Daxuexixiang Xi'an

Penerbit:
Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:
An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:
Zhang Wenwen

Ketua Editor:
Wang Jin

Editor:
Zaidah Ahmad Rosly
Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:
Malaysia

Tarikh Terbit:
Julai, September, November, Januari,
Mac, Mei

Laman Sesawang:
<http://malay.cri.cn>

facebook:
www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:
ma@cri.com.cn

Surat-menurat:
Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.

Telefon:
+86-10-68892073



Di China terdapat satu pepatah seperti berikut "Ada kayangan di langit, ada Suzhou dan Hangzhou di bumi". Pepatah ini cukup menggambarkan keindahan kedua-dua buah bandar tersebut.

Pada tahun 1997, sebanyak sembilan buah taman tradisional Suzhou telah disenaraikan dalam Senarai Warisan Budaya oleh Pertubuhan Saintifik, Pelajaran dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Taman Tradisional Suzhou Warisan Budaya Dunia

Penulis sudah banyak kali melawat bandar Suzhou. Yang paling manarik penulis di sana ialah taman swasta. Taman swasta di sana menggabungkan pemandangan alam yang indah, budaya tradisional yang cemerlang dan watak istimewa yang hanya dimiliki orang tempatan.

Seni bina taman di China sudah bersejarah lama dan berkait erat dengan kesusasteraan dan seni lukis tradisional China. Dalam jangka masa yang panjang, seni bina taman tradisional China telah membentuk dua jenis utama dari segi bentuk dan corak, iaitu taman diraja dan taman swasta. Taman diraja yang paling terkenal terdapat di Beijing, manakala taman swasta yang terbaik terdapat di Suzhou.

Disebabkan perbezaan kedudukan politik, ekonomi dan kebudayaan serta struktur muka bumi dan geografi, perbezaan besar wujud antara seni bina taman diraja dan taman swasta, baik dari segi skop, struktur, ukuran, bentuk ataupun hiasannya.

Taman diraja terkenal dengan bangunannya yang megah, skopnya yang besar dan strukturnya yang rapi, misalnya Taman Yihe atau yang lebih dikenali sebagai The Summer Palace di Beijing, dan Taman Peranginan Bishushanzhuang di Chengde. Manakala taman swasta di Suzhou keluasannya lebih kecil, cantik dan hiasannya halus.

Taman diraja yang dibina pada zaman Dinasti Qing juga mencontohi bentuk dan corak taman swasta di Suzhou dalam reka bentuk dan cara pembinaan.

Taman di Suzhou yang paling bersejarah ialah taman Raja Negeri Wu pada abad ke-6 sebelum masih. Taman swasta yang paling awal yang tercatat dalam buku sejarah adalah Taman Pijiang yang dibina pada zaman Dinasti Jin Timur pada abad ke-4 masih.






Pada zaman Dinasti Ming dan Qing iaitu dari abad ke-14 sehingga abad ke-20 merupakan zaman ekonomi dan kebudayaan feudal berkembang maju di bandar Suzhou. Suzhou menjadi salah satu tempat yang paling makmur di China pada ketika itu.

Arkitek dan tukang bina yang terbaik di Suzhou telah membina lebih 200 buah taman di sana pada masa itu. Sekarang masih wujud hanya beberapa puluh buah taman sahaja di Suzhou, antaranya empat buah taman iaitu Taman Zhuozheng, Taman Liu, Taman Wangshi dan Taman Huanxiu adalah yang paling terkenal.

Berdasarkan empat buah taman klasik tersebut kita dapat mengenali secara



menyeluruh reka bentuk, susunan, struktur, bentuk, corak, hiasan, kemudahan dan perabot di taman swasta tradisional Suzhou.

Empat buah taman yang dipelihara dengan amat baik tersebut telah memperlihatkan seni bina dan taraf pembinaan yang tinggi di bahagian selatan Sungai Yangtze China.

Apabila melancong di bandar Suzhou, Taman Zhuozheng merupakan tempat yang wajib dikunjungi, kerana taman ini taman swasta yang paling ternama dan paling cantik.

Taman Zhuozheng dibina pada tahun 1509. Taman yang mencakupi kawasan seluas 52 ribu meter persegi ini terdiri daripada empat bahagian. Di bahagian timur, terdapat lereng bukit kecil,

pokok cemara, rumput, buluh dan parit air yang berliku-liku. Di bahagian tengah terdapat kolam air yang besar.

Terdapat banyak pokok di taman ini, dan rumah dibina di pinggir kolam air itu, pemandangannya sangat indah. Di bahagian barat terdapat pula kolam air dan koridor.

Bahagian rumah kediamannya pula bercirikan keistimewaan reka bentuk rumah kediaman kawasan Suzhou. Bahagian tengah merupakan kawasan kunjungan utama dan dianggap paling cantik.

Taman Liu dibina pada tahun 1593. Keluasan taman ini 23.3 ribu meter persegi. Taman ini mempunyai koridor yang terdapat lebih 300 buah batu bersurat dengan ukiran kaligrafi yang ditulis oleh ahli kaligrafi terkenal dalam sejarah. Selain itu, lereng bukit buatan, kolam air yang jernih, pokok-pokok yang berusia, parit air yang berliku-liku dan batu yang ganjil amat menyerikan taman ini.

Taman Wangshi terkenal dengan kolam air dan rumah yang tinggi dan rendah serta punjung yang terletak di pinggir kolam air. Manakala Taman Huanxiu terkenal dengan bukit buatan yang mirip dengan gunung sebenar.

Taman tradisional Suzhou yang bersejarah dan istimewa mempunyai nilai yang tinggi dalam sejarah pembinaan taman di China bahkan dunia. **KS**



Beijing

Yang Mengujakan

oleh: **Roziah Adama**

Bermastautin di negara orang bukanlah mudah, mental dan fizikal perlulah bersedia menghadapi perubahan. Apatah lagi negara empat musim yang pasti berbeza dengan iklim Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun. Perubahan iklim, suasana dan budaya itulah yang paling menarik.



Tidak ada yang lebih nikmat selain berada di Beijing ketika musim bunga pada bulan April. Saya benar-benar menikmati keindahan kudup-kudup merah dan putih mekar di pohon-pohon yang tidak berdaun. Lebih-lebih lagi saya seorang penggemar bunga, suasana itu membuat saya ingin memetik semua bunga yang berkembang.

Keterujaan saya semakin memuncak ketika mengunjungi Taman Yu Yuan Tan, bunga sakura yang berkembangan begitu mempesona indera pandang. Apatah lagi kunjungan saya ditemani oleh Alauddin, Sara dan Bakri. Mereka merupakan pelajar saya yang mengambil jurusan Bahasa Melayu di Beijing Foreign Studies Universiti (BFSU). Fasih berbahasa Melayu dan santun mereka yang molek menyebabkan saya terlupa sejenak tanah air yang ditinggalkan atas urusan kerja di BFSU.

Musim Sejuk Yang Mencengkam

Bermastautin di negara orang bukanlah mudah, mental dan fizikal perlulah bersedia menghadapi perubahan. Apatah lagi negara empat musim yang pasti berbeza dengan iklim Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun. Perubahan iklim, suasana dan budaya itulah yang paling menarik.

Perubahan iklim merupakan situasi yang paling mencabar saya sekeluarga hadapi. Waima penghujung musim sejuk hampir ke penghujung namun kedinginan yang mencengkam begitu menyeksakan. Kulit menjadi kering dan merekah, tidur juga tidak lena dengan udara sejuk yang acap kali menyelinap nakal ke dalam selimut.

Hampir setiap hari kami bermandi krim pelembap dan setiap seorang mempunyai



sebotol krim yang dilabelkan nama masing-masing. Paling lucu anak-anak dan suami saya mengeluh bulu-bulu di tangan dan kaki rontok sehingga licin. Lebih-lebih lagi apabila kulit tubuh bergesel dengan permukaan pakaian menghasilkan cas negatif lantas menyebabkan renjatan elektrik statik kecil berlaku. Akibatnya bulu-bulu di lengkap dan kaki bertambah gugur. Hanya kesabaran sahaja ubat mujarab di musim sejuk di Beijing ini.

Beijing oh Beijing

Tiba di Beijing tidak sempurna jika tidak menerokai tiap susur jalannya. Beijing begitu gah dengan keluasan yang saujana mata memandang. Kesibukan Beijing tidak ubah seperti Kuala Lumpur yang sibuk dengan kenderaan yang bertali arus di dada jalan raya. Cuma keluasan Kuala Lumpur itu mungkin hanya secubit



daripada keluasan Beijing. Sebagai kota metropolitan Beijing memerlukan warga kotanya cekap, cergas dan pantas menguruskan kegiatan seharian.

Di Beijing tanpa kendaraan, kita harus bersedia dengan kekuatan kaki untuk menapak dan menyusuri sepanjang jalan menuju destinasi yang dituju. Pilihan lain kita boleh berbasikal, menaiki bas mahupun subway.

Usah mengeluh kaki lenguh atau sakit kerana aktiviti berjalan kaki ini memberikan impak yang baik untuk kesihatan tanpa disedari. Anggap sahaja melakukan senaman percuma tanpa perlu memasuki gymnasium.

Seperkara lagi yang menarik terdapat deretan basikal yang disediakan untuk disewa, basikal ini memudahkan penduduk setempat bergerak ke mana-mana tanpa perlu membawa basikal sendiri.

Di Beijing penunggang basikal perlu cekap dan pantas bergerak di celah-celah ribuan kenderaan yang bertali arus. Sesekali hati saya kikut melihat penunggang



basikal yang mencelah di sisi

kereta yang laju. Sesekali juga jantung saya seperti hendak gugur melihat penunggang motosikal tanpa topi keledar bebas di jalan raya.

Pesta Tarian pada Musim Sejuk

Ketika musim sejuk hampir ke penghujung, hampir semua taman di sekitar dipenuhi oleh penduduk setempat melakukan senaman atau pun tarian tanpa

mengira masa.

Melihat aksi pasangan suami isteri warga emas menari tango di bawah lampu neon di taman pada waktu malam merupakan pengalaman yang menarik. Tanpa segan silu setiap pasangan melangkah dengan mesra dan gembira sambil menikmati irama muzik yang berkumandang.

Di mana-mana sahaja terdapat kumpulan tua atau muda yang menganjurkan



aktiviti tarian untuk memanaskan badan. Suasana ini bagaikan sebuah pesta tari-menari di ruang terbuka yang tidak mungkin dapat dilihat di Malaysia.

Seperkara lagi yang menarik, amalan menjaga kesihatan dengan bersenam begitu sinonim dengan para warga emas di Beijing. Setiap pagi dan petang atau malam, kita boleh melihat para warga emas berjogging atau berjalan kaki mengelilingi taman tanpa henti. Sedikit pun mereka tidak kelihatan lelah, malah ada yang kelihatan uzur tetapi begitu gigih berjalan dibantu

dengan tongkat bersiar-siar di taman.

Pasti sayalah yang segan kerana tidak mampu mengatasi kekuatan stamina mereka.

Ramai mengatakan kos rawatan di China begitu tinggi, oleh itu bersenam dan menjaga kesihatan adalah lebih baik daripada jatuh sakit dan mendapatkan rawatan di hospital. Cara ini bagi saya cukup berkesan dan baik untuk diamalkan.

Jalan-jalan di Beijing

Kedatangan saya ke Beijing tidak mungkin sempurna

tanpa melawat Tembok China. Mengharungi dua jam perjalanan, kami sekeluarga tiba di Tembok Besar Mutianyu yang terletak 73 kilometer dari pusat bandar Beijing, iaitu di daerah Huairou.

Menaiki kereta kabel dari pintu selatan menuju ke stesen no. 6 bagaikan ingin menggapai awan yang kelihatan dekat tetapi jauh. Kepuasan dan keterujaan yang tidak mampu diungkap apabila menjejakkan kaki di tembok China yang panjang, gagah dan megah berdiri.

Berada di menara -

menara pengawal yang dibina dengan lubang-lubang pemanah pada sisi tembok benar-benar mengagumkan hati. Puas menjelajah stesen no. 6, kami turun ke bawah dengan menaiki kereta speed slideway (toboggan), segan yang menempel akhirnya bertukar seronok apabila melihat pengunjung tua dan muda menaiki toboggan dengan girang dan gelak ketawa.

Berada di Beijing juga tidak sah jika tidak mengunjungi masjid Nuijie iaitu masjid tertua di kota Beijing. Niujie bermaksud jalan lembu kerana di kawasan ini terdapat deretan kedai Muslim milik etnik Hui yang menjual daging lembu dan kambing halal. Di sini juga terdapat perkampungan muslim Etnik Hui yang terbesar di Beijing.

Saya terpukau tatkala menikmati dan mengamati keindahan dan kehalusan ukiran seni bina masjid memperlihatkan gaya seni bina Cina. Dalaman dan luaran bangunan masjid yang hampir semuanya dicat warna merah benar-benar memberikan aura yang berlainan dengan suasana masjid di Malaysia. Merenungi tubuh sasa Masjid Nuijie menerbitkan rasa kagum betapa syiar Islam itu telah membenih dan tumbuh dengan kukuh di China selama



ratusan tahun lamanya.

Makan-makan di Beijing

Apakah makanan yang lazat di Beijing? Pasti saya menjawab sate kambing

atau yang rou chuan yang dibumbui pelbagai rempah ratus. Hampir setiap hari saya memesan sate kambing halal di restoran Mahua

yang terletak berhampiran universiti. Benarlah kata orang, sate kambing Beijing sangat istimewa dan sedikit pun tidak berbau hamis.

Apa lagi yang menarik? Sudah pasti menikmati hidangan semangkuk dumpling dan la mian atau mee tarik yang panas dan menyegarkan di restoran Lan Zhou La Mian.

Jika di Malaysia, stibot begitu terkenal tetapi di Beijing saya menikmati ma la tang bezanya makanan yang dicelup akan dicampurkan

dengan kuah bijan sebelum dimakan. Sangat lazat dan nikmat.

Rindu rempah ratus dan makanan dari Malaysia? Tidak perlu risau, di Beijing terdapat kedai-kedai D-Mart yang menjual barang dari luar negara. Kicap, sos cili, sardin dalam tin dan berbagai-bagai barang Malaysia boleh didapati. Meskipun harga yang ditawarkan agak mahal tetapi masih berbaloi untuk dibeli. Durian Thailand dan rambutan juga terdapat di kedai-kedai buah, kecur air liur dibuatnya. Jika rindu menjamah durian, boleh saja dibeli waima harganya meruntun perasaan!

Beijing akan Kutakluk

Pengalaman tinggal di Beijing dalam jangka masa yang panjang pasti akan memberikan saya pengalaman yang menarik. Perbezaan masyarakat, makanan, budaya dan cara hidup merupakan satu cabaran tetapi bukanlah masalah besar sekiranya bijak menyesuaikan diri. Keluasan Beijing yang melangkau 70 kali ganda daripada bandar Kuala Lumpur menyerahkan warna-warni kehidupan masyarakat yang mewah dengan pelbagai budaya. Benarlah Beijing kota besar yang mengujakan dan pasti akan saya takluk tiap lorongnya. **KS**





01

1. Kepulauan Nansha yang terletak di selatan Laut China Selatan merupakan gugusan terumbu karang yang paling luas. Gugusan ini ibarat batu-batu permata hijau yang bertaburan di lautan yang biru.
2. Pulau Weizhou terletak di selatan bandar Beihai, wilayah Guangxi. Pulau ini merupakan pulau gunung berapi yang paling muda di negara ini. Bentuk muka bumi hasil letusan gunung berapi di pulau ini amat unik. Terumbu di dasar laut pula menjadikan pulau ini tempat menyelam yang amat bagus.
3. Kepulauan Xisha yang terletak di barat laut Laut China Selatan kelihatan seperti dua rantai batu permata biru yang dikelilingi berlian, kalau dipandang dari udara.



02



03

Kepulauan China Yang Mempesona

Di wilayah laut China yang luas terbentang, terdapat lebih 6,500 buah pulau yang keluasannya melebihi 500 meter persegi. Pulau-pulau yang lebih kecil pula tak terbilang banyaknya.

Apabila menyebut pulau, mungkin tiada siapa yang tak suka. Laut yang biru, pasir pantai yang halus, dan rentak hidup yang santai selalu membuatkan percutian di pulau-pulau amat menyeronokkan.

Kembara Sutera telah memilih beberapa pulau di China yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Jom kita bersama-sama menghayati keindahan pulau-pulau ini.



04

4. Lautan yang biru, ombak yang lembut, dan pulau-pulau yang hijau... Ini tarikan utama Gugusan Penghu. Air laut di sini jernih kerana tidak tercemar. Gugusan ini juga dipanggil sebagai "Hawaii di Taiwan".

5. Gugusan Pulau Nanji kaya dengan sumber hidupan laut kerana sistem ekologi alam sekitarnya terpelihara dengan baik. Ikan 397 jenis, udang 79 jenis, ketam 128 jenis, siput 403 jenis, dan banyak jenis lagi rumpai laut.


6. Gugusan Pulau Miao yang juga dikenali sebagai Pulau Panjang, terdiri daripada 32 buah pulau. Kuil Mazu yang terbesar di kawasan utara China terdapat di pulau ini.

7. Kepulauan Zhoushan di Laut China Timur ialah kepulauan yang paling luas di China. Gunung Putuo, antara empat buah gunung agama Buddha di China.

8. Pulau Linjin dan Pulau Nanding terletak di bandar Zhangzhou, provinsi Fujian. Kedua-dua pulau ini dibentuk akibat letusan gunung berapi berjuta-juta tahun dahulu. Taman geologi didirikan di sini pada tahun 2001.

9. Pulau Lailing terletak di selatan bandar Yangjiang, provinsi Guangdong. Pantai pasir putih yang halus di pulau ini berserta dengan laut yang biru dan hutan yang hijau membentuk panorama yang cukup mengasyikkan.

10. Pulau Dayu terletak di Fuding, provinsi Fujian. Tasik di tengah gunung dikelilingi hutan yang menghijau. Padang rumput di pulau ini seluas berbilion hektar.



07



05



08




06



09



10



Buku Klasik China Tao Te Ching

Tao Te Ching (bahasa China: 道德经) ialah sebuah buku teks klasik China yang ditulis pada sekitar 500 Sebelum Masihi oleh Lao Tze (571-471 SM), seorang penyimpan buku dan dokumen di Istana Maharaja Dinasti Zhou (pertengahan abad ke-11 hingga tahun 256 SM). Lao Tze mula menyebarkan falsafahnya selepas meninggalkan jawatannya. Beliau mempunyai banyak pengikut. Lao Tze dianggap oleh pengikut-pengikutnya sebagai pengasas ajaran Taoisme.

Tao (道 dào): Biasanya diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "the way ahead" (laluan ke depan), atau yang mudahnya, "the Way" (laluan), membawa maksud "cara" atau "jalan" bagi mencapai keharmonian alam semesta.

Perkataan yang digunakan oleh semua ahli falsafah China (termasuk Konfusius, Mencius, Mo Tze, pendukung ultrakeundangan, dan lain-lain) ini mempunyai maksud yang istimewa dalam konteks ajaran Taoisme, iaitu yang melibatkan proses alam semesta dan yang tidak dapat dinamakan.

Te (德 dé): Biasa diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "virtue" (kebaikan) atau "righteousness" (kewajaran).

Ching (经 jīng): Bermaksud karya agung, kitab atau doktrin.

Oleh itu, Tao Te Ching boleh diterjemahkan sebagai Kitab Mengenai Laluan Menuju

Kebaikan.

Tao Te Ching merupakan sebuah buku pepatah lama yang mempunyai tema yang sama. Versi bahasa China yang asal ditulis dengan tulisan Zhuan Shu dalam format skrol (kartas atau buluh), sedangkan versi-versi kemudian ditulis dengan tulisan Li Shu atau Kai Shu.

Dalam bentuk terkini, Tao Te Ching mengandungi dua bahagian (Tao, terdiri daripada bab 1–37; dan Te, bab 38–81) dan menggunakan kira-kira 5,300 huruf China. Setiap bab agak pendek, dan

primitif untuk mencapai kehidupan yang abadi.

Lao Tze menyarankan supaya manusia menyihir diri daripada kehidupan dunia dan mencari kebahagiaan dengan cara mengasingkan diri daripada peraturan dunia dan tindakan yang merugikan. Manusia harus bebas daripada peraturan ciptaan manusia.

Tao Te Ching sangat berpengaruh kepada falsafah, sains, politik dan agama di China dan diterjemahkan dalam banyak bahasa asing. **KS**



menggunakan tidak banyak huruf untuk menggambarkan gagasan-gagasan yang amat rumit dalam gaya puisi.

Tao Te Ching menekankan keharmonian alam semesta. Lao Tze dalam buku ini memusatkan perhatiannya pada aspek-aspek peribadi, mistik dan metafizik kehidupan, di samping menekankan unsur-unsur



Ikuti editor KS melancong di China

Mengembara di Bandar Xi'an



Lv Qing, editor Kembara Sutera, suka membaca, mendengar muzik dan menonton TV, khususnya rancangan pelancongan yang membolehkan beliau menghayati budaya tempatan, dan meluaskan pandangan. Bandar-bandar di China yang pernah dilawatinya termasuk Shanghai, Guangzhou, Xi'an, Wuhan, Dalian, Kumning, dan lain-lain.



Saya sudah banyak kali berkunjung ke bandar Xi'an dan melawat ke beberapa destinasi pelancongan terkenal seperti Muzium Terra-Cotta, Pagoda Dayanta dan Taman Syurga Tang yang berpusu-pusu dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

Oleh sebab kunjungan saya ke bandar Xi'an sentiasa tergesa-gesa kerana jadual kerja yang padat, maka saya tidak dapat menghayati



kehidupan harian yang santai dan selesa di sana. Oleh itu, saya merancang untuk bercuti selama beberapa hari di bandar itu bagi menghayati kebudayaan purba dan adat resam tempatan dengan lebih mendalam.

Golongan bijak pandai ada menyebut, "Perubahan China selama 10 tahun boleh disaksikan di bandar Shenzhen, perkembangan China selama 100 boleh disaksikan di bandar Shanghai, kebudayaan China

selama seribu tahun boleh disaksikan di bandar Beijing, manakala sejarah China selama tiga ribu tahun boleh disaksikan di bandar Xi'an".

Bandar Xi'an yang dahulunya dikenali sebagai "Chang'an" pernah menjadi ibu kota untuk beberapa dinasti yang amat penting dalam sejarah China, termasuk Dinasti Zhou (tahun 1046-771 Sebelum Masihi), Dinasti Qin (tahun 221-207 Sebelum Masihi), Dinasti Han (tahun 206 Sebelum Masihi-220 Masihi), Dinasti Sui (tahun 581-618 Masihi) dan Dinasti Tang (tahun 618 hingga 907 Masihi).

Kehebatan sejarah ribuan tahun dan kekayaan tapak tinggalan sejarah jelas terbukti saat saya menjelaskan kaki di bumi Xi'an, berdiri megah tembok purba yang hanya berjarak kira-kira 50 meter di luar stesen kereta api.

Tembok purba ini kelihatan gagah dan menawan kerana sudah dibaik pulih dan dihiasi dengan tanglung dan bendera yang berwarna merah serta terdapat tulisan "Selamat datang ke ibu kota purba Xi'an" pada tembok tersebut hingga membuatkan saya terlupa akan kepenatan dek perjalanan.

Tembok yang mengelilingi kawasan kota lama Xi'an ini merupakan tembok kota yang paling lengkap dan sentiasa dipelihara di China.

Tembok panjang itu juga sering mengimbau nostalgia zaman purba sehingga

menyedarkan saya bahawa bandar Xi'an lebih bercirikan ibu kota purba berbanding dengan Beijing.

Setelah meletakkan bagasi di hostel, saya sudah tidak sabar-sabar hendak keluar bersiar-siar di kawasan taman di sepanjang tembok purba itu. Pemandangan tembok kota Xi'an pada sebelah malam jauh berbeza dengan pemandangan pada siang hari.

Apabila waktu malam menjelma dan lampu dinyalakan, dari jauh sudah kelihatan lampu-lampu yang berwarna merah dan kuning seperti garis-garis halus yang membentuk imej tembok purba yang panjang dan binaan-binaan di atas tembok.

Setelah semakin dekat, tembok purba itu kelihatan lebih jelas dan terang berikutan cahaya yang dipancarkan dari lampu berwarna-warni yang ditanam dalam tanah.

Di kawasan berumput pula terdapat juga lampu hiasan taman yang menyerupai batu yang memancarkan sinar keemasan.

Lampu-lampu hiasan itu ada yang bersaiz kecil dan ada yang bersaiz sederhana, seolah-olah batu permata yang bertaburan di sana sini. Selain itu, lampu-lampu yang berbentuk tanglung juga dipasang untuk menerangi lorong-lorong kecil di sepanjang tembok kota.

Terdapat sebatang parit di luar tembok kota. Parit tersebut telah digali pada zaman purba untuk melindungi kota lama

Xi'an.

Bayangan bangunan-bangunan pada permukaan sungai yang terhasil daripada sorotan lampu kelihatan amat indah.

Selain itu, persesembahan yang menunjukkan semula upacara istiadat diraja ketika menyambut tetamu pada zaman Dinasti Tang juga diadakan di dataran Pintu Selatan tembok kota ini bagi

zaman silam ketika bersiar-siar di sini.

Saya tinggal di hostel yang tidak begitu jauh dengan Pagoda Xiaoyanta, satu destinasi yang tidak dikunjungi ramai orang, walaupun terkenal juga di bandar Xi'an, setanding Pagoda Dayanta.

Pagoda Dayanta merupakan antara mercu tanda bandar Xi'an dan sentiasa menjadi tarikan pelancong,



memperlihatkan kegemilangan budaya dan kemakmuran ekonomi China pada zaman purba.

Udara yang segar dan nyaman, angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa, pemandangan persekitaran yang mempesona, tembok purba yang mengaitkan banyak cerita sejarah, ditambah dengan bunyi gendang dan muzik pertunjukan yang lantang hingga menimbulkan perasaan seolah-olah telah kembali ke

bahkan tetamu penting dari dalam dan luar negeri.

Narendra Modi, ketika mengadakan lawatan ke China buat pertama kali sejak menyandang jawatan Perdana Menteri India, memilih bandar Xi'an sebagai destinasi pertama dalam lawatan beliau ke negara ini.

Beliau juga melawat ke Pagoda Dayanta, di samping tempat-tempat lain di bandar ini. Di depan Pagoda Dayanta terdapat dataran yang luas.



Air pancut berirama di dataran utara dikatakan air pancut yang paling besar di China, bahkan di Asia. Namun keadaan persekitaran Pagoda Xiaoyanta jauh berbeza.

Setelah berjalan selama kira-kira 10 minit melalui jalan raya yang riuh-rendah, saya tiba di Kuil Jianfu dan mendapati pelancong boleh masuk ke kuil itu tanpa tiket.

Pagoda Xiaoyanta dibina dalam kawasan Kuil Jianfu. Walaupun dibina di kawasan yang sibuk, namun suasana Pagoda Xiaoyanta amat hening kerana pokok-pokok yang tinggi dan rimbunan daun yang lebat serta rumput yang tumbuh subur mengurangkan kebisingan dari luar. Ketika bersiar-siar di sekitar kawasan pagoda, saya terpesona

dengan suasana yang cantik dan mendamaikan serta udara yang segar dan bersih.

Adakalanya terdengar bunyi loceng purba yang lantang dan panjang, memang menenangkan hati yang gelisah.

Pagoda Xiaoyanta dan Pagoda Dayanta sama-sama dibina daripada batu bata pada Zaman Dinasti Tang. Namun reka bentuk Pagoda Xiaoyanta kelihatan lebih cantik dan halus berbanding dengan Pagoda Dayanta.

Jika pernah melancong ke Dali, provinsi Yunnan China, anda pasti tertarik dengan keindahan pemandangan Tiga Pagoda yang dibina dalam Kuil Chongsheng.

Sebenarnya, pembinaan tiga buah pagoda tersebut

mencontohi reka bentuk Pagoda Xiaoyanta. Bangunan Xiaoyanta yang dulunya mempunyai 15 tingkat, kini hanya tinggal 13 tingkat kerana dua tingkat teratas sudah runtuh akibat gempa bumi.

Walaupun bangunan ini tidak sempurna lagi, namun tetap meninggalkan kesan yang mendalam kepada saya.

Kepelbagai makanan juga merupakan antara tarikan utama pelancongan di bandar Xi'an. Oleh itu, saya tidak melepaskan peluang untuk menikmati makanan yang enak-enak di sini.

Untuk sarapan, saya memilih bubur, pelbagai jenis juadah yang dibuat daripada tepung gandum dan pelbagai jenis hidangan sejuk, seperti sayur masin, sayur campur dan

tauhu atau daging sejuk yang dicampur dengan sos.

Pada tengah hari dan malam pula, saya memilih makanan tempatan yang beraneka jenis.

Antara makanan yang paling terkenal di bandar Xi'an termasuklah sejenis sup daging kambing yang diberikan nama "Yang Rou Pao Mo".

Yang menariknya, setelah membeli Yang Rou Pao Mo, saya diberi roti yang berbentuk bulat dan pipih.

Saya harus membuat persiapan sendiri dengan mencarik-carik roti itu menjadi kecil-kecil untuk dimasukkan ke dalam sebuah mangkuk yang telah dilabel dengan nombor.

Mangkuk itu kemudian perlu diserahkan kepada tukang masak untuk dimasukkan sup yang berisi daging kambing, miyun yang dibuat daripada kanji serbuk kacang hijau dan beberapa sayuran lain.

Setelah siap dimasak, sup daging kambing tersebut tidak berbau hamis, sebaliknya setelah dibubuh minyak cili dan ditabur dengan daun sup, makanan itu amat enak dengan aroma yang memikat selera.

Campuran pelbagai perasa dengan roti yang telah direndam ke dalam sup daging kambing membuatkan saya makan lebih banyak berbanding dengan hari-hari biasa.

Tempat yang paling menarik untuk mencari makanan di bandar Xi'an ialah Jalan Makanan Halal Muslim.

Deretan kedai yang dibina



di kedua-dua tepi jalan menjual pelbagai cita rasa makanan yang enak dengan harga yang berpatutan, seperti kuih-muih, roti, kek, sate ayam, sate kambing dan sate lembu serta sotong panggang dan ikan panggang, di samping hasil tanaman tempatan seperti kurma Cina, kacang walnut dan pisang kaki kering.

Suasana jalan ini sentiasa riuh-rendah kerana dibanjiri pengunjung. Selain itu, ramai pengunjung juga berasa kagum akan kaedah membuat gula di sini kerana kemahiran membuat gula yang sungguh hebat. **KS**

Perkara Yang Anda Tidak Tahu ketika Menaiki Pesawat

Sama ada dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu atau dari Beijing ke Los Angeles, penerbangan jarak pendek atau jarak jauh telah menjadi salah satu kaedah perjalanan yang digemari.

Selepas beberapa kali menaiki pesawat, anda pasti tidak berasa asing dengan arahan keselamatan di dalam pesawat. Namun, adakah anda mengetahui tujuan peraturan-peraturan tersebut?

Sekarang, marilah kita meneliti beberapa perkara yang mungkin tidak anda ketahui ketika menaiki pesawat.

Sebelum berlepas, anak-anak kapal akan mendemonstrasikan arahan keselamatan, dan kemudian akan meminta para penumpang memakai tali pinggang keledar, menegakkan kerusi, melipat meja dan membuka pelindung cahaya.

Anda tahu mengapa?

Sebenarnya, satu perkataan

yang sangat mudah, iaitu keselamatan.

Arahan tegakkan kerusi dan lipatkan meja adalah untuk keselamatan penumpang.

Ketika berlaku kecemasan dan para penumpang perlu melarikan diri, kerusi yang tidak ditegakkan dan meja yang tidak disimpan di tempat asal akan menjadikan ruang penumpang di bahagian belakang sempit dan menyukarkan mereka untuk menyelamatkan diri.

Membuka pelindung cahaya

ketika berlepas dan mendarat juga berkaitan dengan keselamatan. Bekalan elektrik di dalam kabin mudah terganggu ketika pesawat berlepas dan mendarat, khususnya ketika bergerak di landasan kapal terbang.

Sekiranya bekalan elektrik terhenti seketika dan pelindung cahaya tidak dibuka, maka suasana kabin akan menjadi gelap serta mudah menimbulkan huru-hara.

Selain itu, arahan membuka pelindung cahaya adalah untuk membolehkan penumpang di dalam kabin melihat sebarang keadaan luar biasa yang berlaku di luar supaya dapat memaklumkan anak kapal dengan segera.

Sekiranya terdapat penumpang tidak dapat keluar dari pesawat ketika berlakunya pendaratan cemas, anggota penyelamat boleh melihat keadaan di dalam kabin melalui tingkap pesawat.

Di samping itu, penumpang juga dinasihati supaya memakai tali pinggang keledar sepanjang penerbangan kerana ketika menghadapi tekanan udara yang kuat, badan pesawat akan bergegar. Tali pinggang keledar yang dipakai membolehkan penumpang kekal di tempat duduk, secara tidak langsung mengelakkan sebarang kecederaan.

Dalam pada itu, adalah lebih baik sekiranya anda memakai tali pinggang keledar di luar selimut atau kot supaya anak kapal dapat melihat dan tidak



akan mengganggu anda yang sedang tidur.

Terdapat beberapa penumpang yang suka membawa bagasi besar ke dalam kabin kerana mahu menjimatkan masa ketika mengambil bagasi semula. Tindakan tersebut tidak selaras dengan peraturan keselamatan.

tempat duduk biasanya tidak dapat menahan barang-barang yang terlalu berat, dan boleh menyebabkan penumpang cedera malah terkorban kerana ditimpa bagasi yang terjatuh dari ruang penyimpanan tersebut.

Kesimpulannya, kita mestilah mematuhi peraturan



Pakar-pakar keselamatan penerbangan menyatakan bahawa sekiranya pesawat menghadapi gegaran atau berlaku kecemasan, ruang penyimpanan di bahagian atas

keselamatan syarikat penerbangan dan panduan yang diberikan oleh anak-anak kapal kerana semua ini adalah demi keselamatan kita dan penumpang lain. **KS**



Tarikan Heilongjiang

Berkaitan Kedinginan

Provinsi Heilongjiang terletak di bahagian timur laut China. Oleh sebab provinsi ini terletak di kawasan utara yang latitud tinggi, cuaca di sini amat dingin pada musim sejuk, dan suhu udara pada waktu siang di bawah sifar. Penduduk di kawasan ini mempunyai amalan hidup yang agak istimewa, khususnya berkaitan dengan musim sejuk.

Terdapat satu gejala yang menarik di Heilongjiang. Oleh sebab mereka sudah biasa dengan cuaca yang amat dingin, sesetengah orang selalu keluar tanpa memakai topi yang tebal dalam cuaca yang dingin.



Namun, suhu udara dalam bangunan dikekalkan lebih daripada 20 darjah Celsius. Yang cukup menakjubkan ialah penduduk tempatan suka makan makanan sejuk seperti aiskrim.

Sempena perayaan seperti Tahun Baharu Cina, penduduk tempatan suka melayan tetamu dengan buah beku, seperti buah pear, pisang kaki, epal dan lain-lain.

Antara amalan yang paling terkenal di Heilongjiang ialah berenang dalam sungai pada musim sejuk. Di bandar Haerbin, banyak peminat sukan ini berenang dalam Sungai Songhua.

Permukaan sungai ini telah

beku dan lapisan ais setebal lebih kurang satu meter. Peminat renang memecahkan sebahagian lapisan ais itu untuk dijadikan kolam renang.

Disebabkan suhu udara pada musim sejuk antara 30 hingga 20 darjah Celsius bawah sifar, lapisan ais setebal 20-30 sentimeter akan muncul semula di "kolam renang" yang dibuat itu setiap hari. Maka peminat renang terpaksa memecahkan lapisan ais itu setiap kali sebelum berenang.

Aktiviti berenang pada musim sejuk telah menjadi satu tarikan yang menarik. Peminat sukan tersebut terdiri daripada golongan muda-mudi belasan tahun, hinggalah warga tua yang berumur 70 tahun ke atas.

Sekarang, sukan berenang pada musim sejuk menjadi



kian popular, malah menarik kedatangan peminat dari luar negara berenang di Heilongjiang pada musim sejuk.

Ukirai ais juga merupakan salah satu kesenian yang unik di kawasan utara China, khususnya provinsi Heilongjiang. Penduduk tempatan mengambil batu ais dan mengukir ais itu menjadi

barang-barang kraf.

Selepas itu, penduduk tempatan memasang lampu yang berwarna-warni di dalam ukiran itu. Ada patung ais yang kecil dengan belasan sentimeter padu, terdapat juga patung ais sebesar bangunan. Karnival Salji dan Ais Haerbin antara pesta yang meriah di provinsi ini. **KS**



Masjid Daxuexixiang

Xi'an



Bandar Xi'an pernah menjadi ibu negara China pada zaman Dinasti Tang pada 618 hingga 907 Masihi. Selain daripada kota istana, iaitu tempat penginapan Maharaja dan tempat letaknya pelbagai jabatan pentadbiran kerajaan, kawasan yang lain di bandar Xi'an telah dibahagikan

kepada beberapa "Fang" yang tersusun atur yang serupa papan catur.

"Fang" yang didiami penduduk orang Islam dikenali sebagai "Huifang" yang selalunya mengeliling sesebuah masjid. Oleh itu, beberapa buah masjid, sama ada kecil atau besar, terdapat di kawasan kediaman orang Islam di bandar

Xi'an sehingga masa ini.

Antara masjid-masjid di kawasan tersebut, Masjid Huajuexiang yang juga dipanggil Masjid Besar Xi'an, dan Masjid Daxuexixiang merupakan dua masjid yang paling terkenal dan terkuno di bandar ini.

Lorong di mana Masjid Daxuexixiang ("xuexi" bermaksud belajar) terletak dinamakan Daxuexixiang sebab orang Islam yang bermastautin di tempat ini rajin belajar. Sebagai penghijrah mereka belajar undang-undang, peraturan, dasar pemerintahan Dinasti Tang dan adat resam etnik Han yang dianggap penduduk asli.


Menurut catatan tertulis



pada batu bersurat yang ditemui dalam Masjid Daxuexixiang, masjid ini dibina pada tahun 705 Masihi yang merupakan masjid terkuno di Xi'an. Pada mulanya, masjid ini dinamakan masjid Qingjiaosi dan kemudian namanya telah beberapa kali berubah sehingga mendapat nama sekarang ini.

Bangunan dalam masjid ini dipelihara dengan baik

kerana mendapat pembaikan yang sempurna pada beberapa dinasti selepas zaman



Dinasti Tang.

Walaupun masjid ini tidak sebesar seperti Masjid Besar Xi'an, namun kemudahannya disediakan dengan sempurna.

Dewan Xingxin (bermaksud kaji diri) merupakan salah satu bangunan utama dalam masjid tersebut. Menurut batu bersurat

yang dikenali "Batu Bersurat Cheng Ho" di masjid ini, dewan ini pernah dibina semula oleh Laksamana Cheng Ho setelah beliau empat kali mengetuai armada mengunjungi Asia Tenggara pada awal zaman Dinasti Ming, iaitu kira-kira 1403 hingga 1424 Masihi. **Ks**



wǒ xiǎng qù xī ān dà xué xí xiàng qīng zhēn sì, xiè xiè. dì zhǐ: xī ān liān hú qū dà xué xí xiàng 94 hao.
我想去西安大学习巷清真寺, 谢谢。地址: 西安莲湖区大学习巷 94号。

Saya nak pergi ke Masjid Daxuexixiang, terima kasih.

Alamat: 94 Lorong Daxuexixiang, Daerah Lianhu, bandar Xi'an.



Bubur Sekoi dengan Longan

Hai, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah.

Dalam keluaran kali ini, saya akan memperkenalkan sejenis diet perubatan.

Semua pembaca pasti tahu bahawa perubatan tradisional Cina amat terkenal di seluruh dunia.

Ilmu perubatan ada menyebut, makanan bukan sahaja membekalkan khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan setiap hari, malah mampu merawat penyakit.

Terapeutik makanan merupakan kaedah yang menggunakan zat-zat makanan, di bawah panduan teori perubatan tradisional Cina, untuk mengawal fungsi tubuh badan supaya mampu menjaga kesihatan, mencegah atau merawat penyakit.

Sekoi atau milet kaya dengan sumber vitamin dan garam tak organik, di samping mengandungi banyak zat besi, kalsium, kalium dan serat.

Compendium of Materia Medica yang juga dikenali sebagai Bencao Gangmu atau Pen-ts'ao Kang-mu adalah karya perubatan tradisional China yang ditulis oleh Li Shizhen pada zaman Dinasti Ming.

Menurut catatan karya tersebut, yang turut menyenaraikan tumbuh-tumbuhan, haiwan, mineral dan unsur-unsur lain yang dipercayai mempunyai fungsi perubatan, sekoi boleh menyembuhkan rasa loya dan penyakit disenteri.

Oleh tu, sekiranya digunakan untuk membuat bubur, sekoi sangat baik untuk kesihatan tubuh badan.

Sementara itu, longan, sejenis buah-buahan, juga mengandungi khasiat yang tinggi.

Nutriennya termasuk pelbagai jenis unsur surih yang diperlukan oleh tubuh badan.

Pengambilan longan dalam diet harian bukan sahaja mempunyai fungsi kecantikan, bahkan melambatkan penuaan.

Jadi, Anisah ingin memperkenalkan bubur sekoi dengan longan yang sangat mudah dimasak kepada semua pembaca.

Bubur ini mempunyai pelbagai khasiat untuk kesihatan manusia, khususnya pesakit jantung, insomnia, amnesia dan embolisme lemak.

Kini, saya akan mengajar anda menyediakan hidangan ini.

Selamat mencuba!

Bahan: 30 gram isi longan, 100 gram sekoi, gula perang

Cara memasak:

1. Bersihkan sekoi, kemudian masukkan ke dalam periuk. Bubuh air ke dalam periuk mengikut cita rasa sendiri dan masak sekoi bersama-sama dengan isi longan.
2. Apabila hampir masak, masukkan gula perang dan gaul hingga rata.



Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti:



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

The Great Wall Travel Prepaid Card

长城旅游预付卡

Your Perfect Travel Companion



With The Great Wall Travel Prepaid Card, you carry the symbol of excellence recognized throughout China.

Enjoy a suite of exclusive perks and privileges to make every trip a hassle-free, enjoyable and productive one.

Widest Access to UnionPay

UnionPay makes every transaction a breeze with China's largest payment network.

使用中国银联网络，让您随心随意支付。

Preferential Discounts & Exclusive Privileges

Enjoy access to a wide range of traveling, shopping, dining and entertainment deals in Mainland China, Hong Kong, Macau & Southeast Asia Countries all year round.

尽享中国、港澳、东南亚地区精选优惠商户，享受全年旅游、购物、餐饮、娱乐优惠。

Zero Maintenance Fees

No Government Service Tax (GST), annual fee and monthly maintenance fee.

豁免政府税，不收取服务费、年费或月费。

Elegant Card Design

Exquisite card face with Dragon and auspicious clouds symbolize power and good luck.

精美龙形卡面，点缀祥云，给您带来力量与好运。